

HASTADAṄḌAŚĀSTRA (NASKHAH TERTUA KERAJAAN SRIWIJAYA) DAN PENYEJARAHAN GENRE *CAMPŪ* PERSURATAN MELAYU

(Hastadaṅḍaśāstra (*The Oldest Manuscript of Sriwijaya*) and Historiography of Campū Genre in Malay Literature)

Tee Boon Chuan¹
teebc@utar.edu.my

Foo Ai Peng²
aipengfoo@fbk.upsi.edu.my

Jabatan Pengajian Cina, Universiti Tuanku Abdul Rahman, Kampus Sungai Long, Jalan Sungai Long, Bandar Sungai Long, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.¹

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.²

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*). Tee Boon Chuan & Foo Ai Peng. (2024). *Hastadaṅḍaśāstra* (Naskhah tertua kerajaan Sriwijaya) dan penyejarahan genre *Campū* persuratan Melayu. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 17(2), 267–286. [https://doi.org/10.37052/jm.17\(2\)no5](https://doi.org/10.37052/jm.17(2)no5)

Received: Peroleh	16/2/2024	Revised: Semakan	14/3/2024	Accepted: Terima:	22/7/2024	Published online: Terbit dalam talian	24/7/2024
----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	--	-----------

Abstrak

Pengkajian persuratan kerajaan Sriwijaya semakin mendapat perhatian sarjana dan membangun dari dekad ke dekad. Tujuan kajian makalah ini adalah untuk menyejarahkan suatu genre persuratan Melayu yang bercampur antara prosa dengan puisi sebagai peninggalan genre *Campū* (“*campur*” dalam bahasa Melayu) dari kerajaan Sriwijaya dan juga untuk menetapkan penamaan bagi persilangan genre antara prosa dengan puisi. Perkara ini berbangkit daripada dua permasalahan kajian, iaitu pertama, sesetengah persuratan Melayu yang dirawikan semenjak kurun ke-14 didapati bersilang antara prosa dengan puisi dan adakah perkara ini merupakan suatu

fenomena baharu atau peninggalan daripada gaya persuratan sebelumnya? Kedua, apakah fenomena itu bersifat genre dan apakah penamaannya? Bagi kedua-dua permasalahan tersebut, pendekatan pengkajian persuratan mengikut kerajaan dan pendekatan sastera bandingan telah diambil. Dapatan pertama mendapati bahawa gaya pencampuran prosa dan puisi terdapat dalam karya asing (contoh *Jātakamālā* dari India) dan setempat (contoh *Hastadaṇḍasāstra*) sekitar 687 M-693 M, dan dapatan kedua mendapati bahawa genre tersebut bergelar *campū* menurut penamaan persuratan Sanskerta bagi *Jātakamālā* dan lain-lain. Dengan erti kata yang ringkas, gaya pengkaryaan kerajaan Sriwijaya yang bercampur antara prosa dengan puisi, iaitu *campū* telah bersinambung dengan persuratan Melayu yang terkemudian daripada kerajaan Melaka, Johor, Aceh dan seterusnya.

Kata kunci: *Campū*/Campur, Persuratan Melayu, Sakyakerti, Sriwijaya, *Jātakamālā*, *Hastadaṇḍasāstra*

Abstract

*The study of Sriwijaya literature is gaining more scholarly attention and developing from decade to decade. The purpose of this paper is to historicize a genre of Malay literature that is mixed between prose and poetry as a relic of the campū (“campur” in Malay) genre from the Sriwijaya kingdom. This is a result of two research problems, the first being that some Malay writings narrated since the 14th century were found to cross between prose and poetry, so is this a new phenomenon or a legacy from a previous style of writing? Secondly, is the phenomenon a genre and what is its name? For both of these problems, the approach of studying literature according to the kingdom and the approach of comparative literature has been applied. The first finding discovered that the style of mixing prose and poetry was found in both foreign (e.g. *Jātakamālā* from India) and local (e.g. *Hastadaṇḍasāstra*) works around 687–693 CE, and the second finding discovered that the genre was called *campū* according to the Sanskrit literary classification for *Jātakamālā* and others. As a conclusion, the writing style of the Sriwijaya kingdom, which mixed prose and poetry, i.e. *campū*, was continued in later Malay literature in the kingdoms of Malacca, Johor, Aceh, and beyond.*

Keywords: *Campū*/Campur, Malay literature, Sriwijaya, Sakyakerti, *Jātakamālā*, *Hastadaṇḍasāstra*

PENDAHULUAN

Semenjak penerbitan *A History of Malay Literature* (Winstedt, 1940), pengkajian sejarah persuratan Sriwijaya semakin mendapat perhatian sarjana. Winstedt (1940;

1958) hanya membicarakan tentang persuratan Sriwijaya dalam bentuk sastra rakyat, iaitu bab kedua sebelum persuratan zaman Hindu atau peralihan zaman Hindu ke Islam dalam bab ketiga hingga bab kelima. Empat dekad kemudian, Teuku Iskandar (1996) telah memajukan kesusasteraan Sriwijaya dan Braginsky (2004: 41–56) merekonstruksi semula sistem sastra Melayu kuno yang mana Melayu kuno adalah merujuk kepada Sriwijaya. Teuku Iskandar (1996:2–6) telah berjaya mengesan beberapa orang pengarang Sriwijaya termasuklah Sakyakerti (kurun ketujuh), Wajrabodhi (kurun kelapan) hingga Dharmakerti berserta anak-anak muridnya yang terdiri daripada Atisa, Santi, Srijnanamitra, Ratnakirti, Kamalasikta (kurun ke-11). Namun begitu, teks-teks pengarang tersebut serta hubung kaitnya dengan sejarah persuratan Melayu terkemudian masih belum diteliti.

Tiga dekad kemudian, pengkajian persuratan Sriwijaya mula memperlihatkan babak baharu dalam sejarah perkembangan pengkajian. Guan (2019) telah mengesahkan dan menyunting tiga bab pertama daripada keseluruhan sepuluh bab *Durbodhālokā* (syarahan kepada karya besar *Abhisamayālamkāra*) karya Dharmakerti berbahasa Sanskerta yang juga merupakan anak putera Sriwijaya. Beberapa buah makalah untuk persidangan dan jurnal yang mengupas isi kandungan *Hastadaṇḍaśāstra* telah diterbitkan, iaitu karya Sakyakerti (Ha, 2021) dan kesannya terhadap sejarah logik dan metafizik Melayu (Tee, 2022:19–40). Melalui kajian tersebut, sesetengah kosa kata, pepatah, genre bahkan pemikiran dalam persuratan Melayu hari ini telah dapat dikesan berlatar belakang Kerajaan Sriwijaya. Namun begitu, kajian ini masih dalam peringkat permulaan kerana karya serta pengarang yang dikupas adalah sangat sedikit berbanding daripada senarai Sriwijaya yang telah dikemukakan setakat ini.

Penulisan Edelglass et al. (2022) telah menyaksikan bahawa anak-anak murid Dharmakerti telah mendapat perhatian dan dikaji oleh sarjana Barat. Empat orang anak murid Dharmakerti, iaitu Jñānaśrīmitra (sebanyak 18 karya termasuk *Sākārasiddhiśāstra*), Ratnakīrti (himpunan karya berjudul *Ratnakīrtinibandhāvali*), Ratnākaraśānti (sebanyak 40 karya termasuk *Vijñaptimātratāsiddhi*) dan Atiśa (11 karya utama termasuk *Bodhipathapradīpa*) telah dikaji oleh McCrea (2022:558–572), McAllister (2022:573–586), Seton (2022:587–600) dan Apple (2022: 601–614). Pemerhatian sedemikian memang memberangsangkan dalam pengajian persuratan Sriwijaya. Namun begitu, pendekatan sarjana Barat yang bersandarkan pada falsafah Buddha India masih perlu ditambah baik dengan pendekatan setempat daripada falsafah Buddha Sriwijaya. Di samping itu, guru kepada keempat-empat orang anak murid tersebut, iaitu Dharmakerti dari kerajaan Sriwijaya belum lagi mendapat pemerhatian setimpal dan perkara ini merupakan satu lagi kelemahan dalam dunia pengkajian Barat. Dapatan pengkajian persuratan

Sriwijaya setakat ini dilihat mampu menambah baik pengkajian dan pemahaman persuratan Melayu lama secara khusus dan tamadun Melayu secara umum.

Suatu kekurangan utama pengkajian persuratan Sriwijaya selama ini ialah ketiadaan penterjemahan karya-karya pengarang tersebut dalam bahasa Melayu atau Inggeris. Teuku Iskandar (1996:4) mengandaikan bahawa persuratan berbahasa Melayu sewajarnya sudah ada pada kurun kelapan selepas prasasti berbahasa Melayu ditemukan dari kurun ketujuh, bersesuaian dengan keadaan persuratan bahasa Jawa kurun kesembilan yang berkembang sesudah prasasti berbahasa Jawa didapati dari kurun kelapan. Namun karya-karya Sriwijaya yang masih bertahan dan dapat dikesan hari ini adalah yang tersimpan di luar alam Melayu yang terdiri daripada salinan terjemahan (seperti *Hastadaṇḍasāstra*) atau memang dikarang dalam bahasa Sanskerta (seperti *Durbodhālokā*). Oleh itu, karya tersebut wajar diterjemah kembali ke bahasa Melayu atau Inggeris supaya dapat diakses oleh lebih ramai pembaca dan pengkaji sekali gus menggalakkan lagi pengkajian persuratan kerajaan Sriwijaya.

PERMASALAHAN KAJIAN

Makalah ini merujuk suatu fenomena genre persuratan Melayu lama, iaitu karya prosa yang didapati bersilang dengan puisi. Sebagai contoh, persilangan prosa dan puisi amat ketara dalam *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu* (A. Samad Ahmad, 1979), iaitu sebanyak 18 buah puisi yang terdiri daripada 15 pantun, dua seloka dan sebuah syair. Namun, perkara ini tidak bererti fenomena genre tersebut baru menjadi gaya pengkaryaan menjelang kurun ke-17 bersesuaian dengan perawian *Sulalatus Salatin* sekitar 1612 M. Fenomena ini dapat disusulkan lebih awal kepada hikayat sejarah tertua, iaitu *Hikayat Raja Pasai* yang dirawikan sekitar 1390 M. Hikayat tersebut telah bersilang dengan sebuah puisi, iaitu sebuah pantun (Hill, 1960). Bahkan hikayat bertulis tertua, iaitu *Hikayat Bayan Budiman* yang dirawikan pada 1371 M tidak terkecuali daripada persilangan genre tersebut dengan dua rangkap puisi, iaitu dua buah pantun (Winstedt, 2016). Hal ini bererti bahawa persilangan prosa-puisi dalam pengkaryaan sudah menjadi suatu gaya sebelum mula dirawikan dalam tulisan Jawi semenjak 1371 M melalui *Hikayat Bayan Budiman*.

Oleh itu, permasalahan kajian makalah ini menjurus kepada beberapa persoalan yang berkaitan dengan penyejarahan seperti yang berikut:

- (1) Adakah persilangan genre antara prosa dengan puisi mempunyai penyejarahan yang lebih awal daripada *Hikayat Bayan Budiman* sekitar 1371 M dan boleh digalurkan kepada gaya pengkaryaan kerajaan Sriwijaya?
- (2) Apakah nama khas untuk genre karya yang bercampuran antara prosa dengan puisi ini?

Permasalahan kajian makalah ini adalah berpaksikan perkara penyejarahan bagi suatu fenomena karya Melayu yang bersilang prosa dengan puisi melalui dapatan pengkajian persuratan Sriwijaya.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian makalah ini adalah untuk menyejarahkan suatu genre persuratan Melayu yang bercampuran antara prosa dengan puisi sebagai peninggalan genre *campū* (“campur” dalam bahasa Melayu) dari kerajaan Sriwijaya. Tujuan ini hanya tercapai melalui pengupasan kedua-dua permasalahan kajian tersebut bagi membuktikan dan mengesahkan bahawa persilangan genre antara prosa dengan puisi sudah menjadi fenomena umum menjelang kurun ketujuh Kerajaan Sriwijaya. Fenomena tersebut dapat diperhatikan sama ada melalui karya asing (seperti *Jātakamālā* oleh Āryaśūra) atau karya tempatan (seperti *Hastadaṇḍaśāstra* oleh Sakyakerti) yang popular pada kurun tersebut. Dengan ini persilangan genre dalam pengkaryaan bukanlah suatu fenomena persuratan yang baru dikenali pada kurun ke-14 yang bersesuaian dengan perawian terawal, iaitu *Hikayat Bayan Budiman* sekitar 1371 M. Hal ini juga tidak bererti persilangan genre ini terawal didapati dari kurun ketujuh semasa kerajaan Sriwijaya kerana persuratan Melayu sebelumnya daripada Kerajaan Kandali telah disenaraikan oleh katalog China (Katalog Kepustakaan Dinasti Sui [581 M–619 M]) menghilang dari peredaran zaman (Tee, 2022:20). Tujuan makalah ini tidak lain adalah untuk memanfaatkan dapatan pengkajian persuratan Sriwijaya bagi menjelaskan bahawa fenomena persilangan genre dalam pengkaryaan Melayu sudah umum semenjak kurun ketujuh daripada kerajaan tersebut.

Selain itu, makalah ini juga bertujuan untuk menetapkan penamaan bagi persilangan genre antara prosa dengan puisi sebagai *campur* dalam bahasa Melayu, atau asalnya *campū* daripada bahasa Sanskerta. Kosakata *campū* telah diserap menjadi kosakata *campur* dalam bahasa Melayu bersamaan dengan perawian naskah tertua termasuklah *Hikayat Bayan Budiman*, *Hikayat Amir Hamzah* (sekitar 1380 M, salinan A. Samad Ahmad, 1987), *Hikayat Muhammad Hanafiah* (sekitar 1380 M, salinan Brakel, 1975) dan *Hikayat Raja Pasai* (sekitar 1390 M) pada kurun ke-14. Dalam naskhah-naskhah ini, kosakata *campur* biasanya digunakan sebagai “campur baur” seperti dari *Hikayat Muhammad Hanafiah* (Brakel, 1975:188) yang berikut:

Maka bercampurulah kedua pihak laskar itu, tiadalah berkenalan lagi: *campur baur*, tiadalah kedengaran bunyi yang lain, melainkan tempik sorak segala hulubalang jua yang kedengaran...

Penggunaan kosakata tersebut memang menepati erti asal Sanskerta, iaitu “suatu campuran” yang masih digunakan dalam bahasa Melayu moden bagi maksud

“bergaul (berbaur, bersatu, beraduk, berkacau) dalam satu kumpulan” (*Kamus Dewan*, 2005:241). Cuma erti ini juga merujuk pada “suatu campuran dalam prosa dan puisi” dalam konteks persuratan bahasa Sanskerta yang dijelaskan oleh Daṇḍin (aktif sekitar kurun keenam) dan lain-lain (Deshpande, 1957:3–5). Genre *campū* nyata telah dikenali oleh pengarang Sriwijaya menjelang kurun ketujuh bersamaan dengan kelarisan *Jātakamālā* (bergenre *campū*) dan karya tempatan juga dikarang atas genre tersebut, iaitu *Hastadaṇḍasāstra* oleh Sakyakerti. Hal ini bererti kosa kata dan genre *campū* sewajarnya sudah dikenali oleh pengarang setempat semenjak kurun ketujuh dari kerajaan Sriwijaya.

Secara ringkas, tujuan makalah ini adalah untuk menjelaskan suatu genre *campū* yang telah dikenali oleh pengarang Sriwijaya semenjak kurun ketujuh dan telah berkesinambungan oleh pengarang terkemudian seperti mana yang dirawikan menjelang kurun ke-14 melalui *Hikayat Bayan Budiman*, *Hikayat Raja Pasai*, dan juga untuk menetapkan penamaan bagi persilangan genre antara prosa dengan puisi.

KAJIAN LEPAS

Sorotan kajian menyeluruh bagi mengesahkan permasalahan dan objektif kajian makalah ini adalah terhad kerana ketiadaan pengenalan serta pendekatan genre *campū* sepanjang pengkajian persuratan Melayu lama secara ketat selama ini. Dari pengelasan antara karangan dengan karangan berangkap oleh Za‘ba (2002) hingga prosa dengan puisi menurut genre sastera Melayu yang dibicarakan oleh Muhammad Haji Salleh (2021), tiada pengenalan tentang karangan atau genre *campū* dalam persuratan Melayu. Karya *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* pada umumnya akan dibincangkan sebagai karya berbentuk prosa biarpun terdapat 18 buah puisi di dalamnya. Contoh lain yang lebih konkrit adalah seperti *Kesusasteraan Melayu Tradisional* oleh Harun Mat Piah et al. (2000) yang menkategorikan genre persuratan Melayu kepada dua golongan besar, iaitu prosa dan puisi. Keberadaan genre bersilang prosa-puisi belum dibangkitkan biarpun fenomena persilangan tersebut amat menyerlah dalam karya-karya Melayu tradisional termasuklah sastera hikayat (contoh *Hikayat Bayan Budiman*), sastera epik (contoh *Hikayat Amir Hamzah*), sastera sejarah (contoh *Hikayat Raja Pasai*) dan sebagainya (Harun Mat Piah et al., 2000:10–24). Pengkajian persuratan Melayu lama terkemudian juga tidak membincangkan keberadaan *campū* sebagai genre campuran prosa-puisi dalam persuratan Melayu lama (contoh Arba’ie Sujud et al. 2008; Khairuddin Mohamad, 2015).

Dalam kalangan pengkaji persuratan Sriwijaya, Braginsky memang menyedari bahawa *Jātakamālā* merupakan sebuah karya bergenre *campū*, atau “a mixed genre of prose and poetry” menurut penjelasannya, serta kaitannya dengan persuratan Jawa kuno (2004: 57–58). Namun Braginsky tidak membincangkan *campū* sebagai

genre persuratan Sriwijaya dan persuratan Melayu bersilang antara prosa dengan puisi ketika membincangkan karya-karya *Hikayat Bayan Budiman*, *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Raja Pasai*, *Sulalatus Salatin* dan lain-lain karya (2004:301–374). Seterusnya Braginsky juga tidak membangkitkan genre *campū* ketika menghuraikan karya lama Melayu menurut sistem genre “yang indah, berfaedah dan kamal” (“*beauty, benefit and spiritual perfection*”) dalam kerangka sastera bandingannya yang melibatkan sastera Asia lama (2001:230–266), manakala pengkaji lain mengkaji persuratan Sriwijaya untuk maksud logik dan metafizik Melayu dan bukan kesusasteraan Melayu lama (Tee 2020; 2023). Perkara ini bererti keberadaan genre *campū* dalam persuratan Sriwijaya dan Melayu belum lagi disedari oleh para pengkaji persuratan Melayu lama umumnya.

METODOLOGI

Dua kaedah pengkajian telah diambil bagi mengupas permasalahan kajian yang telah diutarakan: Kaedah pertama adalah melalui pendekatan persuratan Melayu mengikut kerajaan. Bagi mengatasi permasalahan pertama, makalah ini menjejak pendekatan yang dikembangkan oleh Tueku Iskandar yang mengkaji persuratan Melayu mengikut kerajaan pada 1996. Berbeza dengan pendekatan persuratan mengikut zaman (Winstedt, 1958; Braginsky, 2004), pendekatan persuratan mengikut kerajaan dipelopori oleh Teuku Iskandar. Pendekatan ini adalah lebih teliti dan sahih daripada pendekatan zaman kerana setiap zaman terdiri daripada pelbagai kerajaan, contohnya zaman “persuratan Melayu lama” (Braginsky, 2004) merangkumi kerajaan Sriwijaya, kerajaan Malayu-Singapura hingga kerajaan Melaka sebelum pengislaman. Maka pendekatan kerajaan adalah lebih tepat daripada sekadar menyebut sesebuah karya itu dari zaman persuratan Melayu lama. Di samping itu, pendekatan kerajaan juga bersandarkan pada suatu kenyataan persejarahan, iaitu setiap karya mempunyai latar belakang kerajaan yang merawikan. Sebagai contoh, *Sulalatus Salatin* tidak mungkin dirawikan pada Kerajaan Malayu-Singapura kerana karya tersebut berkisar susur-galur kerajaan Melaka dan kerajaan Johor khususnya. Oleh itu, setiap kerajaan mempunyai karyanya masing-masing bersesuaian dengan sosiobudaya dan keintelektualan semasa. Pendekatan persuratan kerajaan Sriwijaya diambil pada akhirnya kerana karya-karyanya didapati dikarang bercampuran prosa-puisi seperti mana yang terdapat dalam karya-karya selepas kurun ke-14 yang rata-rata dirawikan dalam tulisan Jawi. Dengan ini persejarahan genre *campū* dapat digalurkan kepada kerajaan Sriwijaya.

Kaedah kedua yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan sastera bandingan. Bagi mengatasi permasalahan kedua, iaitu penamaan genre bercampuran

antara prosa dengan puisi, pendekatan sastra bandingan antara persuratan Sanskerta dan persuratan Melayu akan diambil. Hal ini demikian kerana genre tersebut bukan sahaja terdapat pada karya tempatan yang dikarang oleh Sakyakerti, malah juga menyerlah pada karya-karya yang datang dari India khususnya *Jātakamālā* (yang ceritanya telah terpahat pada Borobudur) oleh Āryaśūra. Melalui pengenalan genre yang dinamakan dalam konteks persuratan Sanskerta, kedua-dua karya tempatan dan asing yang bercampuran prosa-puisi dapat dipastikan sebagai *campū* atau *campur* dalam bentuk kata serapan bahasa Melayu. Dari segi amalan, oleh sebab tiada pengenalan atau pengelasan *campū* sebagai genre persuratan Melayu selama ini, maka bandingan genre antara persuratan Melayu dengan India (berbahasa Sanskerta) dilakukan dengan pengambilan karya-karya Melayu lama seperti *Hikayat Bayan Budiman*, *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Raja Pasai*, *Sulalatus Salatin* dan lain-lain yang bersilang antara prosa-puisi dengan teori Deshpande bagi persuratan Sanskerta (1957).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bagi menjelaskan permasalahan pertama, contoh-contoh persuratan Melayu dari kurun ke-14 dikemukakan terlebih dahulu sebagai pengenalan. *Sulalatus Salatin* yang amat ketara dalam persilangan prosa-puisi telah dimulakan dengan suatu puisi berbentuk pantun daripada bab kedua. Petikannya dapat diperhatikan seperti dalam A. Samad Ahmad (1979:33):

Setelah itu titah Seri Teri Buana, “Katakan sembah kita kepada paduka bonda itu, esoklah kita mengadap paduka bonda,” Maka sembah Aria Bupala, “Baiklah tuanku,” serta ia bermohon kepada baginda dengan segala menteri hulubalang yang sertanya, lalu turun kembali mengadap Wan Seri Beni. Maka segala kata-kata, peri kelakuan Seri Teri Buana itu semuanya dipersembahkannya kepada Wan Seri Beni. Maka baginda pun hairan serta dengan sukacitanya, seraya menyuruh menghiasi negeri. Maka segala kelengkapan Bintan, lancaran tiang tiga, selur, dendang dan jong diatur oranglah, semenjak dari Tanjung Rengas sampai ke Karas Besar tiada putus lagi kelengkapan Bintan, demikian ceriteranya pada zaman dahulukala; dan perahu dagang yang ada dalam labuhan Teluk Bintan, tidar, data dan banting, semuanya diundurkan orang, ada yang ke hulu ada yang ke hilir Teluk Bintan. Itulah diperbuat orang pantun.

*Teluk Bintang labuhan daging (asalnya “dagang”),¹
 Tempat mengail parang-parang;
 Adakah hitam pinggangnya ramping,
 Bagai bunga sudah dikarang.*

Setelah keesokan harinya, maka segala kelengkapan Palembang pun kelihatanlah dari atas pelarian kota; maka gemparlah segala orang mengatakan Seri Teri Buana telah kelihatan kelengkapannya. Maka Aria Bupala dengan segala hulubalang Bintang pun dititahkan oleh Wan Seri Beni mengalualukan baginda itu. Maka sekaliannya pergilah mengalu-alukan. Maka bertemulah kelengkapan Palembang dengan kelengkapan Bintang, selaku-laku akan berperang lakunya; rupa tunggul, panji-panji, merawal dan ambul-ambul seperti taruk kayu dalam hutan ditiup angin; bersatu rupanya keluar dari Tanjung Rengas itu, seperti kawan semut beriring-iring rupanya. Maka gemuruhlah bunyi bahananya, tempik sorak suara rakyat antara kedua pihak itu berdayung, bercampur dengan segala bunyi-bunyian, gegak-gempita bahananya.

Menurut petikan, pantun tersebut berfungsi sebagai ungkapan rumusan bagi segala kelengkapan yang dimaksudkan. Terdapat 17 buah puisi lain (14 pantun, dua seloka dan satu syair) yang disilangkan dalam bab-bab selanjutnya yang bersifat prosa. Dengan ini, suatu kesan pembacaan prosa bercampuran puisi dapat dilihat sepanjang penelitian terhadap karya *Sulalatus Salatin*.

Permasalahannya ialah hal ini bukan fenomena baharu pada kurun selepas ke-14 bersamaan perawian terawal dalam tulisan Jawi. Menurut pendekatan persuratan kerajaan, *Sulalatus Salatin* telah dirawikan pada Kerajaan Johor (1511M –1779 M) yang bersusur galurkan sendiri pada kerajaan Melaka (1400 M–1511 M), kerajaan Malayu-Singapura (1200 M–1400 M) dan lebih awal lagi ialah “kisah bermula di Bukit Siguntang” yang boleh disusulkan sehingga zaman kerajaan Sriwijaya (650 M–11200 M). Menurut Teuku Iskandar (1996:39,67), kerajaan terawal Melayu adalah dari Sumatera yang terdiri daripada kerajaan Malayu yang juga merupakan naungan kerajaan Sriwijaya sebelum kurun ke-13. Apakah fenomena genre ini juga merupakan peninggalan daripada kerajaan-kerajaan tersebut?

Berdasarkan sumber persuratan kuno yang masih boleh diakses, genre *Sulalatus Salatin* dan karya Melayu lama yang lain merupakan suatu lanjutan daripada kerajaan Sriwijaya yang boleh dibuktikan daripada genre karya *Hastadaṇḍasāstra*. Penjelajah China Yi Jing (I-Tsing, 635 M–713 M) yang telah singgah di wilayah Sriwijaya sepanjang 671 M dan 687 M–693 M telah melaporkan melalui *Kiriman Catatan Praktik Buddhadharma dari Lautan Selatan* (2014:312–316) bahawa dua buah karya India yang sangat popular yang menjadi tatapan masyarakat setempat,

iaitu *Jātakamālā* (oleh Āryasūra) dan *Buddhacarita* (oleh Aśvaghōṣa). Di samping itu, Yi Jing juga telah menterjemahkan karya Sakyakerti berjudul *Hastadaṇḍasāstra* ke dalam bahasa Cina pada 711 M sekembalinya ke negara China (Tee, 2020:133–160). Judul-judul tersebut telah disenaraikan oleh Teuku Iskandar (1996). Selepas penelitian, kedua-dua teks *Jātakamālā* dan *Hastadaṇḍasāstra* telah menunjukkan bahawa genre *campū* bukan merupakan genre asing semata-mata kerana teks tersebut juga dikarang oleh pengarang setempat termasuk Sakyakerti.

Seperti yang diketahui, *Jātakamālā* merupakan karya Āryasūra (aktif kurun kelima) berbahasa Sanskerta (namun sudah hilang, yang tinggal hanyalah dalam versi bahasa Pali) terdiri daripada 547 buah cerita di bawah 22 bahagian (*nipāta*). Setiap cerita mempunyai prosa dan disilang dengan puisi tertentu (*gāthā* dalam konteks persuratan Buddha). Contoh petikan daripada cerita pertama, iaitu *Apaṇṇaka-Jātaka* (Aryasura: 2009:16–17) seperti yang berikut:

[104] Saat kisah ini berakhir, Guru berkata, “Wahai Siswa, demikianlah yang terjadi di kelahiran lampau, ia yang penuh kedunguan menyebabkan terjadinya kebinasaan, sementara ia yang yakin pada kebenaran, lolos dari genggamannya yaksa, mencapai tujuannya dengan selamat dan pulang Kembali ke rumah mereka.” Buddha kemudian mempertautkan kedua kisah itu, lalu mengucapkan syair Dhamma berikut ini:

*Saat satu-satunya kebenaran yang tiada bandingnya dibabarkan,
mereka yang berpandangan salah akan berbicara sebaliknya.
Ia yang bijak mendapat hikmah dari yang didengarnya,
menggenggam satu-satunya kebenaran yang tiada taranya.*

[105] Demikianlah tuturan Dhamma tentang Kebenaran yang diajarkan oleh Bhagawan. Beliau berkata lebih lanjut, “Yang disebut hidup sesuai Dhamma tidak hanya diberkahi tiga alam kebahagiaan, enam Alam Kāmaloka, dan alam brahma yang lebih tinggi, namun mencapai tingkat kesucian Arahat [106]; sedangkan hidup tidak sesuai Dhamma menyebabkan kelahiran kembali di empat alam neraka atau lahir menjadi manusia dengan kasta yang paling rendah.” Bhagawan kemudian menguraikan lebih terperinci mengenai enam belas jalan tentang Empat Kebenaran Mulia, pada akhir khotbah kelima ratus siswa tersebut mencapai tingkat kesucian *Sotāpatti-Phala*.

Menurut pemerhatian Yi Jing (2014: 312), “Lautan Selatan” dalam ungkapan “Di 10 pulau lebih di Lautan Selatan, para biksu dan umat awam menghafalkan *Jātakamālā*, juga *gatha-gatha* tersebut di atas,” adalah merujuk Asia Tenggara

sekarang. Dengan ini masyarakat setempat telah mengenal dan menghayati genre *campū* melalui pembacaan *Jātakamālā* yang terdiri daripada 547 buah cerita.

Karya bercampuran prosa dengan puisi tidak syak lagi merupakan genre *campū* dalam persuratan Sanskerta, dan *Jātakamālā* merupakan salah satu contoh daripada persuratan Buddha. Sedangkan *campū* Hindu banyak bersadur daripada *Rāmāyaṇa*, *Mahābhārata* dan *Purāṇa* (Deshpande, 1957:109–225). Suatu pembezaan yang ketara antara *campū* Buddha dengan *campū* Hindu adalah bentuk puisinya: *gāthā* atau berseloka (asalnya *śloka*)? Perkara yang jelas ialah persuratan Melayu lama masih mengekalkan tanda-tanda pemelayuan dari *campū* Hindu dan bukan *campū* Buddha. Buktinya terdapat pengungkapan “berpantun seloka” daripada sesetengah karya, atau kedua-dua pantun dan seloka diselarikan bersama. Contoh “berpantun seloka” bererti seloka telah disampaikan melalui bentuk Melayu, iaitu pantun seperti *Hikayat Putera Jaya Pati* (tidak lewat daripada 1819 M) (Wahyunah, 2004:116):

[...] maka hidangan pun diangkat oranglah ke hadapan Putera Jayapati dan tuan puteri kedua pun santap sehidangan dengan Putera Jayapati sambil bergurau, bersenda dan *berpantun seloka*. Setelah sudah santap, maka kemudian santap sirih dan memakai bau-bauan.

Contoh lain daripada *Hikayat Perintah Negeri Benggala* (sekitar 1811 M, Skinner, 1982:124)

[...] ada yang membawak metawi daripada serba jenis halwa terlalulah banyaknya maka masing2 ada yang bermain sitari ada yang main gendang. Maka bernyanyilah segala jalang *berpantun seloka* terlalulah ramai; seketika bernyanyi maka bersulanglah masing2 daripada tuak.

Namun contoh yang lebih banyak dan lebih awal adalah penyamaan pantun dengan seloka dari kurun ke-14 seperti *Hikayat Bayan Budiman* dari 1371 M:

[...] maka ia pun tertawa seraya mengiraikan bulunya sambil ia berseloka, terlalu indah-indah bunyinya. Maka kata Siti Zainab, ‘Hai cahaya mataku, apa juga ertinya *seloka* itu? Betapakah kebenarannya? Mana baik aku beri dan mana baik tiada aku beri? Hendaklah engkau katakan dengan sebenarnya, supaya hilanglah waswas di dalam hatiku.’ (Winstedt, 2016:218, 149)

Akan cembul itu pusaka daripada nénék Raja Nasran Syah. Serta diambilnya kertas yang tersurat beberapa syair dan gurindam *pantun* dan *seloka* menyatakan

berahinya akan Raja Harman Syah itu; maka disuruh bawa kepada seorang dayang-dayang bernama Élah... (Winstedt, 2016:149)

Contoh *Syair Bidasari* pula dari 1750 M, Palembang (Millie, 2002:86):

| Dilihatnya masam warnanya muka, Dibujuk segera seri paduka, Berapa *pantun* dengan *seloka*, Supaya adinda hatinya suka | Adapun Raja Johan Syah Alam, Bergurau bersenda berganti kalam, Sampailah ketika pertengahan malam, Lalailah baginda di atas tilam |

Pengungkapan sedemikian tidak terdapat lagi pada persuratan Melayu yang dirawikan selepas 1800 M secara umum mungkin menandakan bahawa kesan serta fungsi seloka dalam pengkaryaan Melayu telah semakin kehilangan tempatnya. Contoh-contoh tersebut menunjukkan bahawa genre *campū* Melayu yang terdiri daripada pantun kini berkemungkinan merupakan pemelayuan daripada *campū* Hindu yang terdiri daripada bentuk seloka.

Ketiadaan kosa kata serapan *gātha* dalam bahasa Melayu dan contoh-contoh karya bergātha dalam persuratan Melayu hari ini tidak bererti ketiadaan *campū* Buddha-Melayu dalam sejarah persuratan. Bukti yang paling kukuh ialah karya *Hastadaṇḍasāstra* oleh Sakyakerti yang masih bertahan dalam bentuk terjemahan China klasik menjelang tahun 711 M yang telah diterjemahkan oleh Yi Jing. Menurut laporan Yi Jing, perihal Sakyakerti sebagai seorang pengarang asing atau tempatan dan karya itu berbahasa Sanskerta atau bahasa Melayu adalah tidak jelas, tidak seperti Dharmakerti (aktif sekitar 985 M–1025 M) yang diketahui merupakan anak Putera Sriwijaya dan karya *Durbodhālokā* dalam bahasa Sanskerta dan dikarang di ibu kota Sriwijaya sekitar 1005 M (Guan, 2020:27–28). Perkara yang jelas ialah Sakyakerti merupakan seorang pendeta beraliran Yogacara Buddhisme yang masyhur dari kedua-dua wilayah India dan Sriwijaya dan berada di Sriwijaya semasa Yi Jing singgah di kawasan ini. Sakyakerti berkemungkinan aktif sekitar 650 M–693 M dan karya *Hastadaṇḍasāstra* telah siap dikarang sebelum 693 M, iaitu ketika Yi Jing membawanya kembali ke negara China.

Menurut salinan terjemahan Yi Jing, *Hastadaṇḍasāstra* terdiri daripada 2,713 kosa kata dan bergenre *campū*, iaitu puisi (*gātha*) bersilang dengan prosa Sakyakerti (1988:505–507). Keseluruhan teks terdiri daripada bahagian pembuka (48 kosa kata berserta 1 rangkap puisi), kandungan (2,638 kosa kata, 5 rangkap puisi) dan penutup (27 kosa kata) manakala bahagian kandungan adalah bertemakan “pengekalan makhluk” melalui tujuh langkah penghujahan. Genre *campū* karya ini memang nyata dan mudah dikesan seperti dalam Rajah 1.

Menurut Rajah 1, puisi iaitu *gātha* ialah dua baris yang tersusun kemas di pertengahan teks dan terdapat 6 buah *gātha* jumlah daripadanya. Bagi mengamati genre ini, kedua-dua bahagian pembuka dan permulaan bahagian isi diterjemahkan dan diperturunkan seperti Jadual 1.

Jadual 1 Terjemahan bahagian pembuka karya *Hastadaṇḍasāstra* Sakyakerti.

Terjemahan Cina Klasik	Terjemahan Melayu
<p>世间一类有情，为无慧解，便生邪执，由彼沈沦，生怜愍故，今造斯论。颂曰：设于平坦道，有步步颠蹶；为此等愚蒙，谈兹《手杖论》。</p>	<p>Terdapat sesetengah insan dalam alam ini berfahaman songsang kerana ketiadaan pemahaman sahiih. Atas keprihatinan ini maka sastra ini telah digubahkan dengan pembuka <i>gātha</i> berbunyi seperti berikut: <i>Andaikan jalan nan melurus, Ada juga berumbang-ambing; Si Pandir saya menjurus, Hastadaṇḍasāstra sebagai pembimbing.</i></p>
<p>论曰：一一世尊出现于世，而便寂灭阿僧企耶诸有情类，然诸有情无有终际，犹若虚空，无边性故。此是世亲菩萨之所述理边。谓断割尔许数量，是一义故。为遮此故，故曰无边。所言终者，是尽了义。为此便无所立能立不相离过。</p>	<p>Vasubandhu berkenyataan dalam <i>Abhidharmakosabhasya</i> bahawa “Setiap Sang Buddha mendatangkan diri ke alam ini adalah untuk melepaskan kesengsaraan makhluk. Namun pelepasan ini tiada berhujung bagaikan angkasa (akasa) yang tiada bersempadan.” Ini adalah hujah yang diketengahkan oleh Vasubandhu. “Tiada bersempadan” digambarkan adalah untuk mengelakkan orang daripada kira-mengira tentang bilangan makhluk. Manakala “berhujung” bermaksud makhluk yang dilepaskan sudah tidak berbaki. Dengan menghubungkan “tiada berhujung” dengan sebab “tiada bersempadan” maka tiada kesilapan “sādhya” dan “sādhana” dari segi logik.</p>

Gaya pengkaryaan *Hastadaṇḍasāstra* yang bersilang antara prosa dengan puisi yang memang selari dengan gaya *Jātakamālā* yang telah dikupas. Dengan ini pengarang-pengarang kurun ketujuh dari kerajaan Sriwijaya berhadapan dengan gaya *campū* sepanjang pembacaan dan pengkaryaan merupakan suatu fakta sejarah semasa. Bukti-bukti ini menunjukkan bahawa genre *campū* persuratan Melayu

lama mempunyai latar belakang yang sama dari kerajaan Sriwijaya melewati kurun ketujuh dalam sejarah.

Sebuah karya Dharmakerti, iaitu pendeta Sriwijaya tersohor dari kurun ke-11 yang masih bertahan hingga hari ini, juga bergenre *campū* dari segi persuratan. Karya tersebut berjudul *Durbodhālokā* merupakan penjelasan Dharmakerti kepada karya agung *Abhisamayālamkāra* aliran Yogacara Buddhisme kerajaan Sriwijaya. Karya tersebut berbahasa Sanskrit dan penjelasan Dharmakerti juga adalah dalam bahasa berkenaan. Perhatikan struktur pembuka bab *Durbodhālokā* seperti dalam Rajah 2 (Guan, 2019:93–95):

Rajah 2 Struktur pembuka bab *Durbodhālokā* Dharmakerti.

	nāmaḥ sarvabuddhabodhisattvebhyaḥ //	<i>Ms.Z 1v1</i>
2	śrīmantam atyantaviśuddhabodham natvājitaṃ tatkr̥takārikāṅgām / śrībhadrapādasya karomi vṛttau vyākhyāṃ durūhārthapadāvalīnām //	
4	varjayed akṣaṇān sarvān śraddhayeti jagau jinaḥ / yat tato `yaṃ samārambhaḥ kartavyaḥ sajjanair janaiḥ //	
6	sarvatra granthārambhe prāyaḥ prekṣāvāṃs tatsiddhaye / śrutādīpra- vṛttānāṃ ca vighnopasāntaye sveṣṭadevatān namaskarotīty ādau jinamātṛna-	<i>Ms.Z 1v2</i>
8	maskāram āha /	
	[prājñāpāramitāṃ vande tadalaṅkārikārikāḥ /	<i>Ms.N1 1v1</i>
2	sarvālaṅkārabhāvena vibhaktum iti bhāvataḥ // 1 //]	
	prajñetyādi / prajñā śrutādīmayajñānaṃ tasyāḥ pāramitā prakarṣa- gatā / jñānam advayaṃ tādārthyo mārgo granthas ceti mukhyagaṇabhedāt tridhāprajñāpāramitā/ tāṃ vande kāyādibhir bhaktyā namaskaromi / kim a- rtham tasyā jinamātur alaṅkāro `ṣṭābhisamayaḥ / niḥśreyasābhyudayahe- tutvāt / tasya kārikās tadmayaṛthapratipattiniṣpādikā/ anuṣṭupchandasā ra- citāḥ / śatasāhasryādīmatṛṭikāḥ / vibhaktum vibhāgenopadarśayitum / ka- tham / śatasāhasryāder arthavyākhyāyā maṇḍanāt sarvo `laṅkāro `bhidha- rmapīṭakādis tasya bhāvo `bhīprāyas tena taddarśanāt / itīty evaṃ bhāvato `smatpratītamaitreyābhīprāyataḥ /	<i>Ms.Z 1v3</i>
12	kim anye `pi kārikāvibhaktāraḥ santaḥ santīty āha /	<i>Ms.Z 1v4</i>
	jagatsaṅgakṛtāsaṅgenāryāsaṅgena tāyinā /	
14	kr̥tā vyākhyā mahāśāstre śrutvā nāthājītāt svayam // 2 //	
	jagetyādi / āryānāṃ niṣkleśānām iva / āsaṅgaḥ satvārthāsaktir ya-	

sya tena / imam evārtham āha / jagati saṅgo yeṣāṃ te **jagatsaṅgā** bodhi-
 2 sattvās teṣāṃ iva **kṛta āsaṅgo** yena tena / ata eva **tāyinā** svadṛṣṭamārga-
 deśanayā satvānupālakena / **kṛtā** virācitā **vyākhyā** viśiṣṭārthakathanam / Ms.Z 1v5
 4 kutra / prajñāpāramitādinikihilasūtrārthasaṃgrāhe mahāśāstre 'bhisamayā-
 laṅkārahya / kim abhyūhya paraṃparayā vā śrutvā nety āha / **nāthāji-**
 6 **tāt** narāmanuṣālokaprabhutvena maheśvarādibhir ajitāt / **svayam** ātmanā
 śrutvā saṃvicintya bhāvanayā ca sthīrīkṛtyety arthāl labdhaḥ / labdha-
 8 samādhitve 'py asya yathādhimukti kārikākartuḥ sāksāc chrutāv eva saṃgīti- Ms.Z 1v6
 kartṛvat prāmāṇyodbhāvane tad-itareṣāṃ bahuśrutānām api koṭīkṛtasmti-
 10 saṃprajanyānām evātra yathā kathaṃcid vivṛtāv adhikārah / kṛto 'nyeṣāṃ
 paṇḍitaṃmanyānām ity ākūtam /

Berdasarkan struktur pembuka dalam Rajah 2, salam hormat ditujukan terlebih dahulu kepada Sang Buddha (“namaḥ sarvabuddha”). Kemudian dikemukakan gātha 1 (berbentuk puisi) berserta dengan penjelasannya (berbentuk prosa) dan struktur ini diulang bagi gātha-gātha seterusnya. Dengan ini, karya *Durbodhālokā* Dharmakerti dari kurun ke-11 menunjukkan bahawa pengkaryaan dalam bentuk genre *campū* masih merupakan suatu tradisi daripada kerajaan dan persuratan Sriwijaya. Sesungguhnya kedua-dua bukti karya *Hastadaṇḍasāstra* Sakyakerti dan *Durbodhālokā* Dharmakerti dapat menjelaskan bahawa perawian *Hikayat Bayan Budiman* pada 1371 M disilangkan dengan dua rangkap puisi bukanlah suatu perkara baharu yang terjadi secara tiba-tiba melainkan hal tersebut merupakan suatu lanjutan dan pemelayuan persuratan *campū* dalam bahasa Melayu.

KESIMPULAN

Pengkajian persuratan Kerajaan Sriwijaya telah berkembang dan banyak membuka mata masyarakat bukan sahaja tentang persuratan kerajaan tersebut bahkan persuratan Melayu secara umum. Melalui penelaahan teks-teks *Jātakamālā* dan *Hastadaṇḍasāstra* dari kurun ketujuh, keberadaan gaya *campū* dalam pengkaryaan pada masa tersebut adalah tidak dapat dinafikan. Dapatan pengkajian dari kurun ketujuh telah menemukan bahawa persilangan antara prosa dengan puisi yang terjelma daripada teks-teks *Hikayat Bayan Budiman* pada 1371 M dan selanjutnya bukanlah suatu fenomena baharu dalam sejarah. Pengungkapan “pantun dan seloka”

atau “berpantun seloka” daripada teks-teks tersebut menunjukkan wujudnya suatu proses pemelayuan yang telah berlaku daripada karya *campū* berseloka yang menjadi gaya pengkaryaan sebelum kerajaan Malayu–Singapura. Sedangkan genre *campū* berseloka merupakan suatu peninggalan gaya yang menggantikan seloka daripada *gātha*, iaitu *campū* Buddha yang tidak lain tidak bukan merupakan gaya pengkaryaan kerajaan Sriwijaya. Dengan ini pengkajian persuratan kerajaan Sriwijaya telah membolehkan masyarakat menilai dan mengenali persuratan Melayu secara khususnya, dan tamadun Melayu secara umumnya dalam kerangka penyejarahan yang lebih lengkap lagi menyeluruh.

Manfaat pengkajian persuratan Kerajaan Sriwijaya tidak terhenti pada penyejarahan genre *campū* sahaja. Dapatan pengkajian genre *campū* juga telah memberikan beberapa hala tuju baharu pengkajian persuratan Melayu termasuk asal usul pantun Melayu. Setakat ini sumber bertulis terawal tentang pantun adalah daripada *Hikayat Bayan Budiman* yang dirawikan pada 1371 M. Biarpun pantun boleh dipercayai merupakan puisi asli (suku) Melayu, namun bila dan dari mana pantun telah diciptakan masih jauh belum dapat terjawab dari segi penyejarahan. Menurut pengungkapan “berpantun seloka” atau “pantun dan seloka” yang mana seloka telah dijelmakan dalam bentuk pantun (dimelayukan) atau selari dengan pantun, berkemungkinan hal tersebut merupakan hasil pemelayuan daripada seloka yang akhirnya menjadi bentuk “seloka” Melayu sendiri. Dengan ini pengkajian tentang asal usul pantun dapat difokuskan lagi pada masa (bila) dan tempat (mana) seloka itu bersebaran dalam masyarakat setempat. Dengan erti kata yang lain, pengkajian persuratan kerajaan Sriwijaya atau pendekatan persuratan kerajaan dipercayai dapat memperbaharui babak pengkajian dan pemahaman persuratan serta peradaban Melayu selama ini.

NOTA

1. “Labuhan dagang” menurut salinan A. Samad Ahmad. Namun menurut perimaan pantun, perkataan itu sewajarnya merupakan “labuhan daging” bagi menjaringkan perimaan dengan “pinggangnya ramping” daripada baris ketiga.

PENGHARGAAN

Kajian ini menerima geran khusus “THE BUDDHIST PAÑCAVIDYĀ (FIVE CLASSES OF KNOWLEDGE): THE CONFLUENCE OF MALAY-MUSLIM AND BUDDHIST STUDIES ON BUDDHISM IN MALAYSIA” (1 Februari 2022–31 Januari 2025) daripada Yayasan Belia Buddhist Malaysia.

SUMBANGAN PENGARANG

Tee Boon Chuan: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, penganalisan, penginterpretasian hasil penulisan makalah, penyediaan makalah, penyediaan makalah akhir dan penghantaran; Foo Ai Peng: Metodologi bandingan sastera, pengumpulan data sastera Sanskerta, pengesahan makalah akhir dan pemurnian manuskrip.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- A. Samad Ahmad. (1979). *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Ahmad. (1987). *Hikayat Amir Hamzah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Apple, J. B., (2022). Atiśa: The great middle way of mere appearance. Dlm. Edelglass, W., Harter, P.J., & McClintock S. (Ed.), *The Routledge handbook of Indian Buddhist Philosophy*. hlm. 601–614. Routledge.
- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Asiah Abdul Rahman. (2008). *Sastera Melayu: Suatu pengantar*. Tinta Press.
- Aryasura. (2009). *Jataka, 1* (Andayani, Penterjemah). Indonesia Tipitaka Center.
- Braginsky, V. (2004). *The heritage of traditional Malay literature: A historical survey of genres, writings and literary views*. KITLV Press.
- Brakel, L.F. (Ed.) (1975). *The Hikayat Muhammad Hanafiyyah: A medieval Muslim-Malay romance*. Martinus Nijhoff.
- Deshpande, C. R., (1957). *Studies in Campū literature*. [Unpublished doctoral thesis]. University of Poona.
- Edelglass, W., Harter, P. J., & McClintock, S. (Ed.). (2022). *The Routledge handbook of Indian Buddhist philosophy*. Routledge.

- Guan, Di., (2019). *Abhisamayālaṅkāravivṛti and its commentary Durbodhālokā by Dharmakīrti of Suvarṇadvīpa: A study on the basis of newly identified Sanskrit manuscripts*. [Unpublished Doctoral Thesis]. Peking University.
- Ha, Mui Nyuk. (2021, 21 November). *Hubungan pemikiran Bija/Biji Yogacara Buddhisme dengan Hastadanda-Sastra karya Sriwijaya kurun ke-7*. [Kertas kerja]. The 7th International Conference on Malaysian Buddhism: Tradition and Modernity. The Buddhist Research Society of Malaysia.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh & Jamilah Haji Ahmad. (2000). *Kesusasteraan Melayu tradisional (Edisi kedua)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hill, A. A. (1960). Hikayat Raja-Raja Pasai. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 33(2,190). 1–215.
- Kamus Dewan*. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairuddin Mohamad, (2015). *Genre kesusasteraan Melayu dalam bahasa Melayu*. Sasbadi.
- McAllister, P., (2022). Ratnakīrti: Aligning everyday experience with momentariness and idealism. Dlm. Edelglass, W., Harter, P. J., & McClintock S. (Ed.), *The Routledge handbook of Indian Buddhist Philosophy*. 573–586. Routledge.
- McCrea, L., (2022). Jñānaśrīmitra: Variegated non-duality. Dlm. Edelglass, W., Harter, P. J., dan McClintock S. (Ed.), *The Routledge handbook of Indian Buddhist Philosophy*. 558–572. Routledge.
- Muhammad Haji Salleh. (2021). *Puitika sastera Melayu (Edisi ketiga)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Millie, J. (2002). *Syair Bidasari*. KITLV Press.
- Sakyakerti, (1988). *Hastadaṇḍaśāstra*. (Yi Jing, Penterjemah). Shin Wen Feng Print Co.
- Seton, G. M. (2022). Ratnākaraśānti: The illumination of false forms. Dlm. Edelglass, W., Harter, P. J., & McClintock S. (Ed.), *The Routledge handbook of Indian Buddhist Philosophy*. 587–600. Rotuledge.
- Skinner, C. (Ediotr & Penterjemah). (1982). *Ahmad Rijaluddin's Hikayat Perintah Negeri Benggala*. Nijhoff.
- Tee, Boon Chuan. (2020). Logik Buddha zaman Srivijaya dan dampaknya dalam pantun Melayu. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(1), 133–160. [https://doi.org/10.37052/jm.13\(1\)no6](https://doi.org/10.37052/jm.13(1)no6) .
- Tee, Boon Chuan. (2022). Hastadaṇḍaśāstra (Naskah tertua kerajaan Śrīwijaya) dalam sejarah logik dan metafizik Melayu. Dlm. Mahwati Ahmad Zakaria, Ahmad Bazri Mokhtar, Muhamad Shafiq Mohd Ali (Ed.), *SEMALU 2022: Prosiding Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu*, 19–40. Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tee, Boon Chuan. (2023). Metafizik Melayu menurut filsuf Melayu kerajaan Buddha, Hindu dan Islam. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities*, 30(2). 143–172. <https://doi.org/10.21315/kajh2023.30.2.8>

- Teuku Iskandar. (1996). *Kesusasteraan klasik Melayu sepanjang abad*. Libra.
- Wahyunah Abd. Gani (Ed.). (2004). *Hikayat Putera Jayapati*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Winstedt, R. O. (1940). A history of Malay literature. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 17(3). 1–243.
- Winstedt, R.O. (1958). A history of classical Malay Literature. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 31(3:183). 3–259.
- Winstedt, R.O. (2016). *Hikayat Bayan Budiman*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yi Jing. (2014). *Kiriman catatan praktik Buddhadharma dari lautan Selatan*. (Shinta Lee et. al., Penterjemah). Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan.
- Za'ba. (2002). *Ilmu mengarang Melayu (Edisi kedua)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.